



■ 'GREEN house' di Lanchang.

FAKTA

Pokok vanila

- Pokok Vanila yang ditanam di Malaysia secara komersial ialah daripada spesies *Vanilla Planifolia* Andrews.
- Ia boleh hidup sehingga 25 tahun, dengan pengeluaran hasil yang banyak dalam tempoh 12 tahun.
- Harga sepokok dijual antara RM10 ke RM14 bergantung kepada kualiti.
- Tanah berkeluasan 0.4 hektar boleh tanam kira-kira 2,000 pokok vanila dengan modal kira-kira RM20,000 dan pendapatan diraih antara RM3,000 hingga RM5,000 bersih sekali tuai.



■ PEKERJA menyembur bahan organik cecair untuk mempercepat proses pertumbuhan anak benih vanila yang disemai.

Vanila raja perisa

RTSB lancar jenama *Malaya Spice* untuk pasaran tempatan, rantau Asia

Oleh Ahmad Ghazali Musa

RAJA segala perisa'. Begitulah gelaran kepada vanila yang banyak digunakan bagi makanan kesukaan ramai seperti kek, coklat dan ais krim, selain digunakan dalam menghasilkan wangi-wangian.

Namun, ramai tidak tahu, hanya tiga peratus vanila yang digunakan untuk tujuan komersial di pasaran dunia adalah asli, manakala 97 peratus sintetik.

Ini bermakna pasaran komersial untuk vanila asli dan halal terbuka luas untuk diteroka, asal saja ada kesungguhan dan keberanian memasuki pasaran yang mungkin agak begitu asing bagi petani tempatan.

Senario itu mendorong seorang usahawan Melayu mengusahakan Projek Vanila Malaysia menerusi syarikatnya, Rentak Timur Sdn Bhd (RTSB) sekali gus menjadikannya pengeluar pertama produk vanila asli dan halal di negara ini.

Ia bermula apabila Syed Isa Syed Alwi, 42, yang pernah bekerja dengan sebuah syarikat penyelidikan di mana tugasnya ketika itu ialah menilai dan mengenal pasti jenis tumbuhan bernilai tinggi.

Beliau yang sehingga kini sudah menggunakan lebih RM2 juta wang sakunya, memberanikan diri melakukan pelbagai penyelidikan dan pembangunan (R&D) selama lebih dua tahun terhadap tumbuh-tumbuhan jenis orkid liar.

Antara tumbuh-tumbuhan yang menjadi perhatiannya ketika itu ialah gaharu dan cendana. Walaupun menjanjikan pulangan menarik, tumbuhan berkenaan mengambil masa lama mengeluarkan hasil.

Syed Isa terus mencari tumbuhan bernilai tinggi sehinggalah terjumpa pokok vanila; sejenis tumbuhan orkid liar yang hanya memerlukan kira-kira dua tahun setengah mengeluarkan hasil.

Syed Isa menjelajah sehingga ke ladang vanila di kawasan tanah tinggi pedalaman Jawa, Indonesia kerana hanya bentuk muka bumi sedemikian dikatakan sesuai untuk tumbuhan itu.

"Saya berulang-alik ke negara itu meninjau ladang vanila dan melihat sendiri hasil kajian dilakukan beberapa universiti di sana. Hasil inisiatif itu, saya membuat keputusan memulakan projek perintis menanam pokok vanila di Bali dan Lombok dengan kerjasama seorang

pengeluar di negara terbabit.

"Projek perintis itu dilaksanakan di kawasan tanah rendah di Bali untuk membuktikan tumbuhan itu juga boleh hidup di kawasan rendah. Terbukti, ia boleh hidup subur, segar dan tiada masalah," katanya.

Selepas projek perintis itu, Syed Isa mula menggerakkan inisiatifnya memperkenalkan vanila di pasaran tempatan menerusi Projek Vanila Malaysia pada 2003.

Projek itu dilaksanakan atas keyakinan bahawa tanaman vanila mampu memainkan peranan dalam sektor pertanian negara sekali gus menjana pendapatan lumayan kepada petani.

Pokok vanila diperkenalkan di Malaysia ialah daripada jenis *Vanilla Planifolia* Andrews. Pokok yang dibawa dari Indonesia itu sesuai untuk tanaman komersial di negara ini dan dapat membuahkan hasil hebat dalam sektor pertanian.

Anak benih vanila diperoleh dari Indonesia itu divaksin dan dikuarantin 30 hari sebelum memasuki negara ini bagi memastikan anak benih terbaik dan bebas jangkitan penyakit.

Baru-baru ini, beliau membawa *Berita Harian* meninjau kebun vanilanya di Lanchang, Temerloh untuk berkongsi pengalaman itu. Kebun seluas dua hektar itu disewa daripada orang tempatan dikendalikan empat pekerja Indonesia yang mempunyai pengalaman luas menguruskan kebun vanila di negara asal mereka.

Kebun vanila berkenaan mempunyai kemudahan berupa dua bangunan rumah hijau yang menempatkan pokok vanila yang mahu disemai sebelum diedarkan kepada petani atau orang perseorangan.

Syed Isa kini sudah boleh menarik nafas lega kerana 75 pengusaha sudah bergiat aktif menanam pokok itu di beberapa kawasan termasuk di Felda Air Tawar, Johor; Sungai Koyan, Pahang; dan Lembaga Tembaku Negara di Kota Bharu, Kelantan.

Beliau juga dalam proses mengadakan usaha sama dengan Pertubuhan Peladang Negeri Johor (PPNJ) untuk projek tanaman vanila di kawasan 80 hektar di Kluang, Johor yang akan dimulakan tidak lama lagi.

Setakat ini, sejumlah 50,000 pokok

vanila sudah ditanam dan syarikat mensasarkan menanam lima juta pokok vanila secara keseluruhan. Sehingga hujung tahun ini, syarikat itu mensasarkan menanam sejuta pokok vanila atau kira-kira 250,000 ke 300,000 sebulan sehinggalah mencapai sasaran itu.

Pada peringkat tempatan, Rentak Timur bekerjasama dengan Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) di Kuantan untuk membuat mesin mengekstrak vanila, selain berkongsi penyelidikan dan pemindahan teknologi berkaitan vanila.

Syarikat itu juga sedang berunding dengan beberapa kerajaan negeri serta berusaha mendapatkan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi bagi mendapatkan bantuan membina sebuah kilang mengekstrak vanila.

"Kita juga sedang mencari satu tapak yang sesuai bagi pembinaan kilang mengekstrak vanila membabitkan perbelanjaan RM40 juta. Beberapa tapak di Johor dan Selangor sedang dipertimbangkan untuk lokasi kilang itu," katanya.

Beliau berkata, syarikatnya juga melancarkan produk pertamanya di bawah jenama 'Malaya Spice' untuk pasaran tempatan dan rantau Asia seperti di Thailand, Singapura, Indonesia dan Brunei.

Produk vanila dipasarkan dalam bentuk ekstrak, sirap, pes dan serbuk untuk digunakan sebagai bahan perisa dalam makanan. Syarikat itu turut mengadakan promosi ke serata dunia termasuk menyertai pameran makanan antarabangsa di Chicago, Paris dan Nanjing, China.

Tahun depan, Syed Isa merancang menyertai 25 pameran makanan antarabangsa. Selain penyertaan dalam pameran makanan, sebuah pejabat serantau turut ditubuhkan syarikat itu di Belanda.

RTSB turut mengadakan kerjasama dengan Universiti Penyelidikan Wageningen (WUR) di Belanda, institusi agroteknologi tercanggih di dunia bagi memastikan produk keluarannya diterima secara meluas pada peringkat global.

Walaupun tumpuan bagi projek



■ SYED Isa menunjukkan pokok vanila di Lanchang.

itu lebih kepada pasaran global, Syed Isa tidak lupa terhadap inisiatif memperkembangkan usahanya kepada petani tempatan supaya mereka dapat menikmati hasil kejayaannya tanpa terus bergantung kepada tanaman tradisional seperti

getah dan sawit.

Justeru, katanya, projek Vanila Malaysia dirancang untuk memberi peluang kepada petani, peladang dan usahawan Bumiputera menceburi bidang pertanian dan industri asas-tani yang mempunyai prospek cerah.